

## ULASAN BUKU

**Tata Wiyanta**

*Penyelesaian Kes Kebankrapan di Mahkamah Tinggi Malaysia dan Pengadilan Niaga Indonesia, 2013.*

**383 halaman, ISBN 9789834607135.**

Pengulas: *Hasani Mohd Ali*

hmohdali@ukm.my

Fakulti Undang-undang,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



## PENGENALAN

Kehadiran buku ini amat wajar dialu-alukan kerana dapat memberikan sumbangan bermakna dalam memperkaya sorotan kesusasteraan berkaitan topik undang-undang kebangkrapan di Malaysia dan Indonesia. Topik kebangkrapan di Malaysia umpamanya, kebanyakannya terbatas dalam bab tertentu dalam buku umum undang-undang perniagaan.

Tumpuan perbincangan secara spesifik menjurus kepada penyelesaian kes kebangkrapan yang dikendalikan oleh dua badan kehakiman penting, seperti terpapar pada tajuk buku ini, iaitu Mahkamah Tinggi Malaysia dan Pengadilan Niaga di Indonesia. Tumpuan topik agak terarah kepada isu yang spesifik kerana buku ini berasal daripada tesis PhD pengarang yang telah dikendurkan elemen teknikalnya untuk dijadikan buku. Penggunaan bahasanya teratur dan mudah difahami menunjukkan buku ini dihasilkan setelah melalui proses suntingan yang ketat.

Pemilihan kebangkrapan yang dijadikan fokus perbincangan agak mengundang beberapa persoalan kerana kosa kata yang sama digunakan bagi dua maksud yang agak jauh berbeza pengertiannya masing-masing di Indonesia dan di Malaysia. Di Malaysia kebangkrapan hanya merujuk individu yang telah kehilangan kemampuan untuk membayar kembali hutang, sedangkan di Indonesia istilah kebangkrapan mencakupi syarikat dan individu yang gagal melunaskan hutang piutang mereka. Kekaburan ini dijelaskan oleh pengarang dengan membawa perbincangan lebih kepada pelaksanaan sistem penyelesaian yang nyata berbeza bagi kedua-dua badan kehakiman ini ketika mengendalikan kes yang hampir sama masalah pokoknya, iaitu kegagalan melunaskan hutang oleh peminjam.

Banyak persoalan asas berkaitan dua badan penting daripada dua

bidang kuasa ini dibincangkan rinciannya secara panjang lebar. Adakalanya perbincangan menjadi mendatar. Walau bagaimanapun pendekatan seumpama ini boleh memberi manfaat kepada khalayak pembaca yang lebih luas. Kebanyakan pembaca buku ini terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai pengetahuan mendalam bagi salah satu daripada dua sistem berbeza, sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia. Oleh itu, penerangan yang panjang lebar mungkin membantu golongan ini memahami dengan lebih mendalam sesuatu isu penyelesaian kes kebangkrutan. Pada bahagian tertentu perbincangan agak mendalam dan boleh menjadi kritis dan analitis. Skop masa bagi data dan pemerhatian bermula dari tahun 1998 hingga 2004. Kemungkinan dapatan hasil perbincangan boleh dipertikaikan dari segi keterkinian data.

Pembaca dipersembahkan dengan pengembangan idea yang tidak drastik yang membantu pembaca memahami mengenai perbezaan sistem perundangan kedua-dua bidang kuasa sebelum perbincangan lebih terfokus pada undang-undang kebangkrutan. Inti kandungan menjurus kepada peranan kedua-dua badan kehakiman dengan melihat tiga aspek utama, iaitu, dari sudut keberkesanan undang-undang kebangkrutan sedia ada, bidang kuasa mahkamah, dan pentadbiran harta si bankrap serta kesan kebangkrutan.

## **BIDANG KUASA MAHKAMAH**

Persoalan utama yang cuba ketengahkan oleh pengarang ialah mengenai keberkesanan Pengadilan Niaga sebagai satu badan yang ditubuhkan khusus untuk menyelesaikan kes kebangkrutan di Indonesia. Ternyata kesan langsung kegawatan ekonomi pada hujung tahun 90-an telah membawa kepada pengenalan Undang-undang Nomor 37 tahun 2004 yang disusuli dengan penubuhan Pengadilan Niaga ini. Bab I menyentuh mengenai kemelut ekonomi yang melanda Malaysia dan Indonesia pada akhir dekad 90-an. Pengarang telah menyelusuri kembali krisis kewangan yang banyak memberikan dampak sosial termasuk perihal kebangkrutan di kedua-dua buah negara. Kerumitan hasil daripada kegawatan ekonomi memperlihatkan pelbagai pendekatan diambil yang agak berbeza bagi Indonesia dan Malaysia dalam menangani masalah ekonominya. Peningkatan hutang lapuk, kejatuhan harga syer dan pasaran saham, dan penurunan ketara nilai mata wang disusuli kenaikan kadar tukaran asing. Situasi ini menyebabkan kenaikan mendadak masalah hutang tidak berbayar oleh faktor yang sebenarnya di luar kawalan sekali gus menjelaskan peri pentingnya pengadilan kebangkrutan yang efisien dan adil demi menjamin kepentingan kedua-dua belah pihak, penghutang dan pemiutang. Malangnya, bibit-bibit kemelut ekonomi yang melanda sekitar tahun-tahun 2008 tidak pula disentuh. Juga tidak disentuh tentang masalah kebangkrutan individu, yang sebenarnya boleh dilihat dari lensa

yang lebih luas terutamanya membabitkan peminjam yang alpa, selalunya dalam kalangan golongan pertengahan yang bergelut menghadapi tekanan kos kehidupan dalam dunia yang semakin kompetitif ini.

Tidak seperti di Indonesia, di Malaysia, semua kes kebangkrapan akan terus diselesaikan di Mahkamah Tinggi, tanpa memerlukan satu badan khas untuk tujuan penyelesaian. Malaysia melalui peranan Mahkamah Tinggi menjadi pembeda yang sesuai kerana terdapat banyak permasalahan berpunca daripada peranan khusus Pengadilan Niaga yang tidak mendapat sokongan baik dari segi prasarana dan sumber manusianya. Hanya terdapat lima pengadilan niaga sahaja bagi seluruh Indonesia. Masalah logistik timbul kerana kesukaran untuk mereka yang cuba mendapatkan keadilan datang dari wilayah yang jauh. Setiap satu Pengadilan Niaga dengan bidang kuasa merangkumi hal ehwal perniagaan lain, seperti hak cipta, paten, reka bentuk industri dan sebagainya, selain menangani kes kebangkrapan. Walaupun dengan bidang kuasa berbeza berbanding dengan mahkamah negeri, hakim bertugas boleh terdiri daripada kalangan hakim yang sama, menjadikan pengendalian kes kurang berkesan disebabkan agihan beban tugas yang pelbagai. Jalan keluar yang dibuat melalui pelantikan hakim secara *ad hoc* pula didapati tidak berkesan. Malah, mengikut dapatan pengarang, hanya dua orang hakim seumpama ini sahaja yang pernah dilantik sepanjang tempoh kajian 1998–2004, dan hanya seorang sahaja yang didapati benar-benar aktif.

Metodologi perbandingan yang diguna pakai sebenarnya cuba merungkaikan masalah utama yang membelenggu penyelesaian kes kebangkrapan di Pengadilan Niaga Indonesia ini. Mahkamah Tinggi Malaysia dijadikan penanda aras bagi menampilkan sistem pengadilan yang lebih berstruktur dan berkesan. Pengarang, bagaimanapun, turut mengenal pasti beberapa kelemahan dalam pengendalian kes kebangkrapan di Mahkamah Tinggi Malaysia.

Pengendalian kes kebangkrapan yang berpaksi pada peranan Mahkamah Tinggi dan disokong oleh Jabatan Insolvensi dilihat dapat menawarkan opsyen penyelesaian bagi Indonesia. Setiap negeri ada bangunan Mahkamah Tinggi sendiri, dan terdapat bahagian khas yang akan mengendalikan kes kebangkrapan. Bagi negeri yang lebih besar mungkin terdapat lebih Mahkamah tinggi yang dapat memberikan kemudahan akses kepada orang ramai. Sistem pentadbirannya yang dijalankan melalui institusi Pendaftar Mahkamah pula tidak terlalu birokratik yang menjadikan urusan pentadbiran dikendalikan dengan licin tetapi masih berkesan. Statistik menunjukkan penerimaan baik masyarakat terhadap Mahkamah yang berperanan penting dalam menyelesaikan kes kebangkrapan individu di Malaysia.

Dari segi undang-undang kebangkrapan di Indonesia, penyelesaian sepatutnya boleh menjadi efektif kerana had masa 60 hari diberikan untuk

tujuan penyelesaian, prosedur pembuktian yang tidak terlalu ketat diguna pakai, dan prosedur rayuan yang berjangka masa ditetapkan. Seharusnya kedudukan ini menjurus kepada penyelesaian kes yang berkesan. Walau bagaimanapun, kelemahan utama undang-undang kebangkrutan di Indonesia ialah tiadanya peruntukan jumlah minimum hutang. Si berhutang dikira menanggung hutang jika berhutang sekurang-kurangnya dua pemiutang, dan salah satu hutang tidak dilunaskan. Tidak dinafikan kelonggaran peraturan boleh menyebabkan pelaksanaan yang tidak konsisten. Selain itu, kos guaman terlibat adalah agak tinggi. Sementara itu, permohonan oleh individu pemiutang sendiri tidak dibenarkan. Penyelesaian luar mahkamah menjadi alternatif yang lebih sesuai bagi mereka yang tidak berkemampuan ini. Perkara ini tidak pula dibincangkan oleh pengarang selanjutnya.

Sebaliknya di Malaysia, masalah kos dan keberkesanan tatacara perbicaraan dapat dilihat melalui tatacara permohonan kebangkrutan yang boleh dibuat sendiri oleh pemiutang atau melalui peguam di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi. Rayuan kemudiannya boleh dibuat kepada Hakim Mahkamah Tinggi. Terdapat peruntukan jelas menangani jumlah hutang, iaitu minimum RM 30 ribu. Pengarang bagaimanapun berpendapat ketiadaan tempoh penyelesaian kes mungkin menjadikan perbicaraan berpanjangan justeru menjadi tidak efektif. Statistik perbandingan jumlah kes bagaimanapun memperlihatkan peningkatan di Malaysia bagi tempoh 1998 hingga 2004 berbanding dengan trend penurunan yang berlaku di Indonesia. Statistik ini mengikut pengarang menunjukkan sistem undang-undang di Malaysia sebagai lebih berkesan.

Begitu juga dengan urusan pentadbiran harta si bankrap. Mahkamah sendiri atau melalui peranan Jabatan Insolvensi menjalankan fungsinya untuk mentadbir harta si bankrap mengikut jadual masa yang ditetapkan. Peruntukan undang-undang mengikut pengarang dikatakan jelas dan berkesan dalam menetapkan pembahagian harta si bankrap selepas penghakiman. Jabatan Insolvensi juga bertanggungjawab mengendalikan kes pelepasan kebangkrutan oleh seseorang yang dihukum bankrap. Menurut pengarang, undang-undang berkaitan dengan pascakebankrutan lebih baik di Malaysia kerana terdapat sokongan oleh undang-undang berkaitan dalam memastikan hukuman atau perlindungan terhadap si bankrap dan hartanya konsisten. Contohnya melalui Akta Imigresen 1963, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Syarikat 1965, Akta Profesion Undang-undang 1967. Berlainan kedudukannya di Indonesia, semua peruntukan berkaitan datang bersumberkan hanya daripada Undang-undang Nomor 37 tahun 2004. Di Indonesia, pentadbiran harta si bankrap terletak di tangan Kurator, iaitu pemegang amanah Persendirian, atau Balai Harta Peninggalan (BHP – sektor awam). Masalah di Indonesia ialah khidmat Kurator (mula diperkenal melalui undang-undang Nomor 37 tahun 2004) melibatkan kos yang agak tinggi, sedangkan BHP hanya

memiliki 3 cawangan sahaja, nyata kurang efisien dari segi penyampaian khidmat terutama kepada mereka yang berada jauh dari cawangan.

## **PENUTUP**

Buku ini secara relatifnya adalah padat dan sarat dengan penerangan mengenai pentadbiran kebangkrapan di kedua-dua buah bidang kuasa, iaitu Malaysia dan Indonesia. Jelas sekali hasrat pengarang untuk membawakan contoh amalan di Malaysia sebagai penanda aras memenuhi objektif penulisan asal untuk membawa cadangan reformasi kepada sistem sedia ada di Indonesia. Kelemahan buku ini masih berkisar kepada perbandingan yang sebenarnya tidak serupa, iaitu pengendalian kes kebangkrapan individu di Malaysia dengan kebangkrapan umum Individu dan Syarikat di Indonesia. Sebenarnya, pengendalian hutang korporat adalah lebih kompleks dan memerlukan pentadbiran yang lebih berstruktur, sedangkan Malaysia sendiri masih agak ketinggalan dalam bidang ini berbanding dengan bidang kuasa *common law* yang lain. (Contohnya ketergantungan kepada s. 176 akta Syarikat 1965 bagi opsyen penstrukturan hutang). Penyelesaian informal yang disarankan oleh pengarang sendiri sebenarnya merupakan sebahagian daripada amalan korporat melalui institusi penyelesaian pertikaian alternatif (seperti Penimbangtara dan mediasi) yang mula mendapat pengiktirafan dan harus digalakkan. Perkara yang tidak disentuh tetapi relevan dan sesuai dibincangkan dalam arena perbincangan yang lain ialah peranan pihak ketiga, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) di Malaysia. AKPK sebuah organisasi yang ditubuhkan khas di bawah Bank Negara bagi membantu orang ramai menguruskan hutang mereka secara percuma. Cadangan penyelesaian tak formal oleh pengarang akan menjadi lebih tepat jika digandingkan dengan peranan pihak bukan mahkamah seperti AKPK dalam memainkan peranannya.

Sungguhpun begitu, pengarang seharusnya diberikan sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kerana telah berjaya memberikan perspektif pentadbiran undang-undang kebangkrapan di Malaysia dengan membandingkan secara komprehensif kedudukannya di Indonesia.